

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HIA 101 – Pengantar Pengajian Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Setiap soalan membawa nilai markah yang sama. Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **DUA** daripada setiap bahagian.

Bahagian A

1. Bincangkan kriteria-kriteria berikut:

[a] Adab seseorang Muslim dengan saudara seagamanya.

[50 markah]

[b] Adab seseorang Muslim dengan Tuhannya.

[50 markah]

2. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Rum ayat 30 - فطرة الله التي فطر الناس عليها yang bermaksud: Fitrah yang telah difitrahkan oleh Allah terhadap manusia.

Berdasarkan ayat di atas:

...2/-

- [a] Huraikan maksud “Islam agama fitrah”.
[50 markah]
- [b] Bincangkan 5 elemen fitrah yang bersesuaian dengan hukum-hakam syara’.
[50 markah]
3. Sulaiman Yasin dalam bukunya Pengantar Pengajian Islam menyatakan bahawa pembentukan ‘aqidah Islam melalui 3 unsur utama; unsur akal atau pemikiran, unsur *iradah* atau kemahuan dan unsur *wujudan* atau perasaan .
- Berdasarkan pernyataan di atas:
- [a] Bincangkan pengertian ‘aqidah Islam.
[50 markah]
- [b] Keistimewaan ‘aqidah Islam.
[50 markah]

Bahagian B

4. Al-Sunnah adalah sumber rujukan Islam yang tertinggi selepas al-Quran. Al-Sunnah mempunyai peranan yang penting dalam memahami isi kandungan al-Quran. Tanpa al-Sunnah kefahaman terhadap Islam tidak akan sempurna.
- [a] Apakah peranan al-Sunnah selepas al-Quran serta berikan contoh-contoh bagi setiap peranan tersebut.
[50 markah]
- [b] Apakah yang dimaksudkan dengan *السنة غير التشريعية* (tidak bersifat perundangan) serta nyatakan bahagian dan contohnya?
[50 markah]
5. Manusia diciptakan untuk beribadah kepada Allah, justeru membolehkan insan menunaikan tanggungjawab ibadah, maka Allah mengutuskan para rasul a.s. untuk manusia mencontohi mereka.
- [a] Apakah syarat-syarat umum sahnya sesuatu ibadah?
[30 markah]

- [b] Mengapakah Islam melarang keras amalan bid'ah dalam ibadah?
[30 markah]
- [c] Sebutkan dua kepentingan akidah yang sahih dalam beribadah?.
[40 markah]
6. *Al-Qiyas* القياس adalah sumber hukum dalam syariat Islam. Pengetahuan terhadap *al-Qiyas* sangat penting bagi seorang mujtahid
- [a] Berikan pengertian *al-Qiyas* serta nyatakan rukun-rukunnya?
[40 markah]
- [b] Berikan contoh hukum yang bersumberkan *al-Qiyas* dengan menjelaskan bagaimana ia diqiyaskan?
[40 markah]
- [c] Antara syarat *al-Qiyas* hendaklah ia bukan *al-Qiyas al-Musadim*. القياس المصادم. Apakah yang dimaksudkan dengan *al-Qiyas al-Musadim*, serta nyatakan contohnya?
[20 markah]